

CNS0372

U GB 24-08 00161 BA089

bah

MASALAH MUDAH DIATASI JIKA PARTI SAMA PERINTAH PUSAT DAN NEGERI

Mahathir - Sarawak

KUCHING, 24 Ogos (Bernama) -- Pemerintahan oleh parti yang sama pada peringkat persekutuan dan negeri lebih memudahkan penyelesaian masalah, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Menurutnya, memang tidak dinafikan ada kalanya timbul rasa tidak puas hati atau tidak sependapat di antara kerajaan persekutuan dengan kerajaan negeri mengenai perkara-perkara tertentu.

+Tetapi ini tidak bermakna ia tidak boleh diselesaikan dengan baik atau diatasi secara perundingan,+ katanya ketika merasmikan Perhimpunan Agung Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) Sarawak di Riverside Majestic Hotel di sini.

Kerenggangan perhubungan antara kerajaan persekutuan dengan kerajaan negeri tidak akan membawa manfaat kepada sesiapa, kata Dr Mahathir, yang juga Pengerusi Barisan Nasional.

Sambil merujuk kepada pembangunan pesat di negeri ini, beliau berkata kejayaan dan kemajuan Sarawak adalah hasil pemerintahan kerajaan BN dengan ditunjangi PBB yang sentiasa mengutamakan nasib rakyat. -- Lagi..

▼24/08/13-25MST

bah

(Ulangan dengan fakta tambahan)

Mahathir - Sarawak 2 Kuching

Dr Mahathir berkata beliau gembira melihat hubungan di antara kerajaan negeri ini pimpinan Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud, yang juga Presiden PBB, dan kerajaan pusat berjalan baik, mesra dan kukuh.

+Keadaan ini adalah baik untuk penduduk Sarawak kerana melalui hubungan yang akrab ini segala rancangan dan projek Kerajaan Persekutuan bagi manfaat rakyat Sarawak akan dapat dijalankan dengan sempurna tanpa gangguan seperti yang dilihat di Kelantan baru-baru ini,+ katanya.

Katanya, semangat setiakawan dan muafakat antara parti-parti komponen Sarawak memudahkan kerajaan negeri menjalankan pembangunan tanpa bimbang diganggu-gugat oleh tekanan politik dan pertelingkahan mana-mana pihak.

Dua lagi parti komponen BN Sarawak ialah Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP), yang mewakili BN dan menang tanpa bertanding dalam pilihan raya kecil Batu Kawa pada Sabtu lepas, dan Parti Kebangsaan Sarawak (SNAP). Gabungan itu dikenali +BN3+.

Dr Mahathir berkata amalan perkongsian kuasa yang menjadi pendekatan BN telah dapat mengelakkan tercetusnya persengketaan antara kaum dalam menghadapi isu-isu yang menyentuh untung nasib mereka kerana semua masalah diselesaikan secara rasional melalui rundingan dalam parti. -- Lagi.

▼24/08/14-30MST

bah

Mahathir - Sarawak 3 Kuching

+Pertentangan secara terbuka atau melulu bagi mengatasi sesuatu masalah bukanlah cara atau budaya Barisan Nasional.

+ 'Public debate' (perdebatan umum) tidak akan dapat menyelesaikan sebarang masalah atau mencapai apa-apa hasil kerana cara ini sering menyebabkan perasaan yang tidak dapat dikawal, + kata Dr Mahathir yang diiringi isterinya Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Ali dalam lawatan sehari ke sini.

Tradisi perkongsian kuasa itu hendaklah dikekalkan agar politik negara terus stabil dan rakyat hidup aman dan selamat, kata Perdana Menteri dan meminta rakyat berwaspada terhadap pihak-pihak yang cuba menggugat kestabilan politik dan keamanan negara.

+ Sudah ada tanda-tanda yang menunjukkan ramai pihak yang mula cemburu terhadap kejayaan dan kemajuan yang dicapai oleh negara seperti di bidang ekonomi terutamanya dalam perindustrian serta perjuangan kita dalam hal-hal perdagangan, alam sekitar, hak asasi manusia, demokrasi dan kepentingan negara-negara Selatan di forum-forum antarabangsa, + katanya..

Pihak berkenaan seperti badan-badan bukan kerajaan, gabungan-gabungan kesatuan sekerja antarabangsa dan pertubuhan tempatan dan asing telah cuba mempengaruhi negara-negara yang berkawan baik dengan Malaysia supaya menjauhi negara ini dan jangan membeli barangan eksport Malaysia, katanya.  
-- Lagi.

▼24/08/14-31MST

R GB 24-08 00179 BA099

bah

Mahathir - Sarawak 4 Kuching

Selain isu kaum Penan yang tinggal di negeri ini, Dr Mahathir berkata isu-isu seperti hak asasi manusia, kebebasan mengambil tindakan perusahaan, soal alam sekitar, pembalakan dan demokrasi telah dijadikan asas untuk menentang Malaysia.

Malah usaha Malaysia menubuhkan Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) terus mendapat tentangan pihak tertentu yang tidak mahu melihat Malaysia berjaya menjadi negara maju dengan rakyat menikmati taraf hidup setanding dengan mereka, katanya.

Perdana Menteri berkata anggapan yang menyatakan Sarawak akan tetap ketinggalan dengan negeri-negeri lain menjelang tahun 2020 adalah salah kerana beliau percaya rakyat negeri ini mempunyai keupayaan dan sumber kekayaan yang diperlukan untuk mencapai matlamat wawasan itu.

Katanya, Sarawak boleh mendahului negeri-negeri lain jika rakyat negeri ini berusaha bersungguh-sungguh dan memberi sokongan penuh kepada kerajaan negeri yang telah membelanjakan lebih \$1,000 juta setiap tahun sejak beberapa tahun lepas untuk membangunkan negeri.

+Malahan dalam beberapa aspek tertentu negeri ini adalah lebih maju berbanding dengan sesetengah negeri di Semenanjung seperti dalam industri pelancongan, perhutanan dan petro-kimia,+ katanya. -- Lagi.

▼24/08/14-36MST

R GB 24-08 00171 BA100

bah

Mahathir - Sarawak 5 (Akhir) Kuching

Sambil menyatakan kerajaan negeri ini telah memberikan tumpuan sama rata dalam program pembangunan tanpa pilih kasih terhadap mana-mana kawasan atau kaum, Dr Mahathir berkata masyarakat Penan yang tidak dihasut supaya menolak pembaharuan juga sudah mencapai pembangunan yang tidak berbeza dengan kaum-kaum lain.

+Yang boleh menghalang pembangunan dan pembahagian kekayaan secara sama rata ialah perkembangan pendapat yang disemai oleh orang asing bahawa kehidupan tradisional dalam hutan lebih baik daripada kehidupan secara moden.

+Mereka ingin melihat Sarawak kekal di zaman batu supaya kaum-kaum di negeri ini dapat dijadikan 'museum pieces' (bahan muzium) dari zaman purba yang boleh dikaji untuk tesis antropologi.

+Sudah tentu jika rakyat Sarawak kekal dalam keadaan ini, Sarawak akan terus ketinggalan dan tidak akan dapat membantu Malaysia mencapai taraf negara maju yang boleh bersaing dengan negara-negara Barat,+ kata Dr Mahathir.

Dr Mahathir berkata orang Sarawak yang menyokong pendapat orang asing mengenai perkara itu hanya mengkhianati kaum dan bangsanya sendiri. -- Bernama.

---